

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS, DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN NO : 146

Y.B. DATUK NG CHIANG CHIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa memandangkan terdapat kecenderungan ke arah perkauman di kalangan rakyat Malaysia masa kini, sejauh manakah kerajaan telah mengusahakan supaya diwujudkan Akta Jenayah Kaum dan Agama dan suatu Akta Keharmonian dan Permuafakatan Nasional untuk menyekat ucapan dan aktiviti berbaur kebencian kaum/agama dan diskriminasi seperti yang dicadangkan oleh SUHAKAM.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini kerajaan masih belum bersedia untuk menggubal akta seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memandangkan sebenarnya Akta Hasutan 1948 Pindaan 2015 masih berupaya untuk membendung sebarang kesalahan dan ancaman yang melibatkan perkauman seperti dalam menyekat ucapan dan aktiviti berbaur kebencian / agama dan diskriminasi kaum secara pendekatan punitif.

Walaupun demikian, kerajaan menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat, dan kerajaan sedang dalam proses menggubal satu akta dinamakan Akta

Keharmonian Nasional yang lebih mesra rakyat kerana ia akan menggunakan pendekatan bercorak *corrective measures* yang lebih tertumpu ke arah usaha-usaha untuk memberi kesedaran, pendidikan, menerapkan nilai-nilai kesederhanaan, nilai-nilai moral serta nilai-nilai kenegaraan.

Sehingga peringkat ini, Kerajaan masih dalam usaha menganalisa dan meneliti secara terperinci input dan cadangan-cadangan yang diperolehi melalui pendampingan awam (*public engagement*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti ahli akademik, jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin masyarakat di peringkat komuniti.

Memandangkan Akta ini memerlukan penelitian yang terperinci dan mendalam sebelum dimuktamadkan, usaha-usaha untuk mendapatkan input dari masyarakat sivil (*Civil society*) masih diteruskan supaya hasil yang diperolehi itu kelak lebih menyeluruh dan inklusif. Ini kerana kerajaan perlu mengkaji implikasi pewujudan satu undang-undang seperti ini kepada masyarakat dan juga membuat semakan secara mendalam supaya perbandingan dapat dibuat bagi memastikan undang-undang baru ini tidak bertindih dengan mana-mana Akta yang sedang berkuatkuasa pada masa kini.

Kerajaan amat menyedari bahawa penggubalan sesuatu Akta memerlukan penelitian dan ia tidak boleh dihasilkan dalam tempoh yang singkat, supaya hasilnya nanti akan memberikan impak yang boleh diterima oleh semua pihak. Adalah diharapkan juga sesuatu akta yang akan digubalkan nanti akan dapat membantu kerajaan di dalam usaha memelihara keharmonian di antara kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih.